



IKLAN BAGI JAWATAN SECARA KONTRAK PERKHIDMATAN (*CONTRACT OF SERVICE*) DI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mempelawa calon-calon yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan sebagai pegawai lantikan kontrak perkhidmatan (*Contract of Service*) seperti berikut:

PEGAWAI LANTIKAN KONTRAK PERKHIDMATAN

Jawatan	: Pegawai Siasatan Gred P9
Kumpulan Perkhidmatan	: Pengurusan dan Profesional
Klasifikasi Perkhidmatan	: Pencegahan
Gaji (tidak termasuk elaun)	: Gaji Permulaan: RM2,710.00 (Jadual Gaji Minimum – Maksimum: RM2,710.00 – RM11,280.00)
Taraf Jawatan	: Lantikan Kontrak (<i>Contract of Service</i>)
Tempoh Kontrak	: Dua (2) Tahun
Kemudahan	: Cuti Rehat, Cuti Sakit, Caruman KWSP dan Caruman PERKESO
Penempatan	: Bahagian Forensik Teknologi Ibu Pejabat SPRM, No. 2, Lebuhr Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya

DESKRIPSI TUGAS

1. Melaksanakan pemeriksaan dan analisis forensik ke atas barang kes digital bagi menyiapkan Kertas Forensik (KF) yang berkualiti serta mengikut prosedur standard operasi dan amalan terbaik.
2. Melaksanakan tugas-tugas bantuan operasi melibatkan barang kes digital dalam operasi SPRM bagi memastikan operasi yang dijalankan berjalan dengan lancar.
3. Memberikan latihan dan khidmat nasihat kepada Pegawai SPRM berkaitan forensik digital bagi meningkatkan kecekapan pegawai SPRM.
4. Melaksanakan kajian keperluan perisian dan perkakasan forensik digital seiring dengan perkembangan teknologi forensik terkini bagi meningkatkan kecekapan pelaksanaan fungsi yang ditetapkan.

SYARAT PERMOHONAN

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
3. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda atau Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian dalam bidang teknologi maklumat atau dalam bidang yang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
4. Minimum **1 tahun** pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan;
5. Memiliki **kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
6. Lengkap dos vaksinasi Covid-19.

Keutamaan :

1. Mempunyai pengetahuan luas dalam bidang komputer/ sains/ forensik/ teknologi maklumat.
2. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
3. Mahir menggunakan perisian komputer pada tahap yang sangat baik

CARA MEMOHON

1. Sila e-melkan permohonan dengan menyatakan jawatan yang dimohon berserta salinan resume, kad pengenalan, sijil dan transkrip kelulusan akademik, sijil vaksinasi COVID-19, sijil pengiktirafan MQA bagi Ijazah Sarjana Muda, serta sijil-sijil lain yang berkaitan kepada jawatankontrak.bkp@sprm.gov.my bagi tujuan permohonan jawatan kontrak ini.
2. Semakan sijil pengiktirafan MQA boleh dibuat melalui Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (e-Sisraf) di laman sesawang <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm>
3. Sila pastikan alamat e-mel dan nombor telefon untuk dihubungi adalah yang terkini dan aktif.

PERHATIAN

1. Hanya calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk menghadiri sesi temu duga.
2. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **sebulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

Tarikh Tutup Permohonan : 14 NOVEMBER 2025 (JUMAAT) sebelum jam 5.00 petang